



■ **TIMBALAN** Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kiri) menyampaikan anak kunci traktor empat roda kepada salah seorang Bengerusi Persatuan Peladang MADA Kokbah, Kedah, kelmarin.

Dalam upacara penyampaian bantuan baja dan penyerahan traktor itu, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Kerajaan akan membuat satu pengumuman penting beberapa hari lagi, mengenai perubahan sistem pemberian kupon subsidi harga padi sekarang. — Gambar Berita Harian oleh Mat Desa Haji Hashim.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

Beras dari luar akan terus disekat

ALOR SETAR, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan Kerajaan akan terus menyekat kemasukan beras dari luar bagi membolehkan penanam padi tempatan menjual beras di pasaran tertutup di negara ini.

Beliau berkata sekatan ke atas kemasukan beras dari Negeri Thai, China, Indonesia dan Bangladesh akan diteruskan sekalipun Kerajaan menanggung kerugian dari segi cukai import berikutan langkah tersebut.

Datuk Seri Dr. Mahathir menekankan Kerajaan akan terus menitik-beratkan kepentingan penanam-penanam padi di luar bandar hingga menjadi kenyataan bahawa pendapatan mereka lebih lumayan dari di masa-masa lalu.

Timbalan Perdana Menteri berucap demikian di majlis penyerahan jentera-jentera pertanian dan baja padi di Kompleks Geraktani MADA Kobah, 16 batu dari sini semalam.

Menurutnya, Kerajaan sedang berusaha menambah pengeluaran padi di samping mengurangkan kos pengeluaran bagi menjamin penanam padi memperoleh pendapatan yang berlipat ganda.

Matlamat Kerajaan ialah untuk menolong penanam padi mengurangkan perbelanjaan semasa mengerjakan bendang masing-masing di samping menambah hasil pengeluaran agar keuntungan yang diperolehi meningkat berlipat ganda.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu bahawa beliau telah mengarahkan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) memperkenalkan tanam padi secara tabur sahaja tanpa menggunakan petak semaian dengan tujuan mengurangkan belanja mengupah pekerja.

Beliau mengingatkan penanam-penanam padi supaya jangan melakukan sebarang tindakan tidak bertanggungjawab dan di luar lunas undang-

No. Siri .. //, 255
No. Penerbitan .. 30